

Client : **Mediviron UOA Clinic**  
Publication : **Wanita Magazine**  
Date: : **26<sup>th</sup> November 2013**  
Language : **Bahasa Melayu**  
Title : **Klinik Mediviron UOA Bantu Golongan Wanita**

Type : **Client News**  
Page : -  
Article Size : -  
Ad Value : **RM 3,000**  
PR Value : **RM 9,000**

---

## KLINIK MEDIVIRON UOA BANTU GOLONGAN WANITA

---

BERSEMPENA ulangtahun ke-12 Klinik Mediviron UOA, telah berlangsung majlis menandatangani kerjasama (MoU) di antara klinik tersebut dan MyKasih Foundation bagi membantu golongan kurang berkemampuan. Sebanyak 12 peratus daripada rawatan estetik yang dilakukan di klinik ini sepanjang lima bulan bermula 12 Oktober 2013 akan disumbangkan kepada pertubuhan tersebut.

Ketika berucap dalam majlis ini, Pakar Perubatan Estetik dan Pemilik Mediviron UOA, Dr Chen Tai Ho melahirkan rasa terharu dengan inisiatif yang dijalankan MyKasih Foundation dalam memberi sumbangan makanan kepada wanita yang kurang bernasib baik sejak penubuhannya pada 2009.

“Walaupun kami merupakan syarikat yang berasaskan keuntungan, namun kami prihatin terhadap masalah yang dialami kaum wanita di luar sana. Sehubungan itu, hasil keuntungan klinik akan digunakan untuk menjalankan program Mengecapi Aspirasi Diri bagi menginspirasi wanita dalam melakukan transformasi kehidupan yang lebih baik,” ujar Dr Chen Tai Ho.

Selain itu, aktiviti lain yang turut dijalankan sepanjang majlis



Daripada kiri, Pengarah Urusan MyKasih Foundation, Jeffrey Perera, Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyKasih Foundation, Siti Khairon, Dr. Chen Tai Ho dan Pengurus Besar Mediviron UOA, Fion Leong.

termasuklah adalah persembahan artis jemputan, sesi *makeover* oleh Glamzstudio, pentas peragaan oleh Atelier by Azrul Azizan dan IMAAN serta penyampaian anugerah seperti Ageless Beauty, Best Body Transformation dan Best Couple Award kepada pelanggan yang bertuah. W